

07/01/2000

Wanita hadapi masalah perpaduan: Napsiah

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar berkata, keputusannya mencabar Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, bagi jawatan ketua pergerakan itu adalah isyarat bahawa pergerakan berkenaan mempunyai masalah kepemimpinan sejak tiga tahun lalu dan perlu dibetulkan.

Napsiah ketika dihubungi berkata, beliau menawarkan diri kerana berasa pergerakan itu kini semakin terpinggir dan mahu mengembalikannya ke landasan sebenar.

"Saya bukan hendak mencari musuh. Dengan membuat pengumuman ini, saya hanya menawarkan perkhidmatan, terpulang kepada ahli-ahli.

"Tetapi pada masa yang sama ia juga sebagai satu isyarat kepada Ketua Wanita sekarang, bahawa jika ada pencabar bermakna ada perkara yang tidak memuaskan dalam pergerakan itu," katanya di sini, hari ini.

Napsiah berkata, beliau juga mematuhi arahan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya membekukan sebarang perasaan tidak puas hati atau masalah ketika parti menghadapi pilihan raya lalu.

"Tetapi Perdana Menteri juga berkata, lepas pilihan raya barulah boleh kalau hendak perhangatkan (keadaan). Kenyataan saya menawarkan diri ini bertujuan mencairkan keadaan dalam Pergerakan Wanita.

"Bagi menghadapi alaf baru ini, wanita perlu lebih berani dan lebih mantap untuk menghadapi sebarang cabaran, terutama dalam membuat persediaan menggembelng tenaga wanita menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Ditanya mengenai prestasi Siti Zaharah sejak mengambil alih kerusi Ketua Wanita dari Datuk Seri Rafidah Aziz sejak tiga tahun lalu, Napsiah berkata, Ketua Wanita Umno yang baru dilantik sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak begitu cemerlang dalam usaha untuk menyatupadukan wanita hari ini.

"Saya hanya ingin mengingatkan Wanita Umno mengenai masalah perpaduan yang kita hadapi sekarang dan Presiden sendiri tahu bahawa pergerakan ini memang menghadapi masalah," katanya.

(END)